

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Tanah untuk miskin tegar, B40 bertani

IPR bantu tiga juta golongan berpendapatan rendah

Tanah untuk miskin tegar, B40 bertani

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

AMPANG – Kerajaan akan menyediakan kira-kira 324 hektar tanah bagi tujuan pertanian untuk membantu golongan B40 dan miskin tegar menjana pendapatan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, langkah tersebut adalah sebahagian daripada program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) untuk membantu lebih tiga juta rakyat daripada kumpulan berpendapatan rendah di seluruh negara.

Jelasnya, selain penyediaan tanah, kerajaan juga akan membuka peluang dan sokongan dari segi modal serta latihan.

"Bermula 800 ekar (324 hektar) melibatkan tanah kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, sasaran kita adalah kira-kira 5,000 ekar (2,023 hektar) tahun ini. Tanah-tanah ini termasuk tanah rizab kecil seperti tanah pembentungan dan tanah rintis elektrik.

"Semua tanah-tanah ini boleh dibuka kepada orang ramai untuk menanam dan kalau ekosistem ini berjaya, kita harap ia dapat menurunkan harga (barang) kerana kita dapat mengatasi pembekalan setempat," katanya pada Majlis Pelancaran IPR di sini semalam.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, bagi menjayakan program berkenaan, beliau akan ke seluruh negeri untuk bertemu dengan Menteri Besar bagi memohon penggunaan tanah kosong



RAFIZI (tiga dari kiri) menunjukkan mesin layan diri yang bakal digunakan untuk program IPR pada majlis pelancaran di Ampang, semalam.

milik kerajaan negeri.

"Apabila kita buka permohonan menyertai IPR ini, ramai yang akan memohon untuk mengusahakan tanah.

"Sebab itu menjadi tanggungjawab kementerian saya untuk menyelaraskan perkara ini supaya peluang (mengusaha tanah kosong) dibuka seluas-luasnya kepada golongan sasaran seluruh negara," jelasnya.

Pada masa sama kata Rafizi, pihaknya juga memerlukan kerjasama daripada peniaga, golongan profesional dan sukarelawan untuk menyertai program berkenaan sebagai pembimbing.

"Kita tidak boleh biarkan kumpulan B40 dan miskin tegar ini terkapai-kapai sendiri untuk keluar dari garis kemiskinan. Usaha ini sebenarnya sudah ada dalam masyarakat kita dan mereka membantu melalui pertubuhan bukan kerajaan dan lembaga zakat masing-masing.

"Kita mahu seramai mungkin menyertainya supaya mereka ada kumpulan sokongan dalam tempoh 24 bulan ini. Selain itu, orang ramai juga perlu menyokong usaha ini dengan membeli produk-produk hasil golongan sasaran (B40 dan miskin tegar)," ujarnya.